

08/12/1999

Kabinet: Sabah cadang lebih dua nama

KOTA KINABALU, Selasa - Kerajaan Sabah mencadangkan lebih dua nama ahli Parlimen negeri itu dipilih bagi mengisi jawatan menteri penuh Kabinet Persekutuan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat yang diadakan di Putrajaya semalam.

Bagaimanapun, semua keputusan tertakluk kepada Perdana Menteri, kata Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam.

Beliau menemui Perdana Menteri untuk berbincang mengenai perkara itu semalam dan kembali ke ibu negeri malam tadi.

"Perbincangan itu amat positif dan Sabah mempunyai peluang yang baik," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Dewan Undangan Negeri hari ini.

Selain Sabah, katanya, negeri lain turut mengemukakan nama calon mereka bagi memenuhi jawatan itu.

"Saya serahkan keputusan mengenai jawatan menteri Kabinet itu kepada Perdana Menteri sepenuhnya," katanya.

Sebelum pilihan raya Parlimen lalu, Sabah mempunyai dua menteri iaitu Tan Sri Kasitah Gadam sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi manakala Datuk Pandikar Amin Mulia memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun kedua-dua mereka tidak bertanding dalam pilihan raya lalu dan antara nama yang disebut bagi memegang jawatan itu ialah Ahli Parlimen Kinabalu yang juga bekas Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok.

(END)